



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

2 MEI 2023 (SELASA)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

2 MEI 2023 (SELASA)

KPDN Kelantan edar 250,000kg bekalan gula

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengedarkan 250,000 kilogram (kg) gula di pasaran negeri itu, bermula semalam.

Pengarahnya, Azman Ismail, berkata ia susulan bekalan gula di negeri itu terputus sejak 1 Syawal lalu dan banyak aduan diterima daripada penduduk.

"Susulan bekalan terputus, kita mengunjungi pemborong utama semalam (kelmarin) dan mengarahkan hampir 250,000 kg gula diedar di lapan daerah di Kelantan mulai hari ini (semalam):

"Sebenarnya isu gula ini berlaku salah faham antara pembekal dan pemborong. Ada pembekal tertumpu kepada pemborong tertentu dan hanya memohon bekalan kepada pemborong lain ketika bekalan berkurangan.

"Dengan pelepasan hampir 250,000 kg gula ini, kita jangka masalah bekalan dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa hari ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ditanya sama ada bekalan gula terputus mempunyai kaitan dengan kenaikan harga, Azman mengakui perkara itu sebagai antara faktornya.

"Di Kelantan kita tiada pengilang, hanya ada pemborong. Pengilang di Melaka dan Johor memohon untuk menaikkan harga, namun tidak diluluskan oleh kerajaan.

"Dengan adanya bekalan gula bermula hari ini (semalam), saya berharap penduduk di negeri ini tidak membuat pembelian panik bagi memastikan bekalan mencukupi untuk semua," katanya.

Laporan sebelum ini menyebut, bekalan gula di Kelantan terputus sejak 1 Syawal lalu sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan peniaga dan penduduk.

Tinjauan di beberapa daerah mendapati bekalan gula kehabisan di kedai runcit dan pasar raya.

Peniaga kedai runcit yang mahu dikenali sebagai Ros, 40, berkata bekalan gula terputus sejak 1 Syawal lalu.

"Saya minta pemborong menghantar bekalan, namun mereka memaklumkan gula tiada untuk tempoh tertentu.

"Ada yang mendakwa harga gula akan naik selepas ini dan mehyorokkan bekalan sedangkan orang ramai datang bertanyakan gula.

"Penggunaan gula penting waktu Aidilfitri kerana orang mahu mengadakan rumah terbuka dan sebagainya, namun waktu ini pula bekalan gula tiada," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

250,000 kilogram gula sudah diedarkan di Kelantan: KPDN

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan memaklumkan hampir 250,000 kilogram (kg) bekalan gula diedarkan di pasaran negeri ini mulai semalam.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, susulan bekalan gula terputus sejak tarikh 1 Syawal lalu sehingga



Dengan pelepasan hampir 250,000 kg gula ini, kita jangka masalah bekalan dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa hari"

Azman Ismail

pihaknya menerima banyak aduan daripada kalangan pengguna.

"Saya pergi ke pemborong utama semalam (kelmarin) dan kita mengarahkan hampir 250,000 kg gula diedarkan di lapan daerah di negeri ini mulai hari ini (semalam).

"Sebenarnya isu gula ini berlaku salah faham di an-

tara pembekal dan pemborong.

"Ada pembekal tertumpu kepada pemborong tertentu dan hanya memohon bekalan kepada pemborong lain ketika bekalan berkurangan.

"Namun dengan pelepasan hampir 250,000 kg gula ini, kita jangka masalah bekalan dapat diselesaikan da-

lam tempoh beberapa hari," katanya ketika dihubungi.

Ditanya sama ada bekalan gula terputus ada kaitan dengan dakwaan akan berlaku kenaikan harga, Azman berkata itu antara salah satu faktor.

"Di Kelantan kita tiada pengilang, kita hanya ada pemborong.

"Pengilang di Melaka dan

Johor memohon untuk naikan harga namun permintaan tidak diluluskan oleh kerajaan.

"Dengan adanya bekalan gula bermula hari ini (semalam), saya berharap penduduk di negeri ini tidak membuat pembelian panik bagi memastikan bekalan itu mencukupi untuk semua orang" katanya.



ROS menunjukkan rak gula yang kosong di kedai runcitnya di Berek 12, Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Bekalan gula habis di Kelantan

Kekurangan gula sejak 1 Syawal resahkan peniaga dan penduduk

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@NSTP.com.my



Kota Bharu

Bekalan gula yang terputus menimbulkan keresahan dalam kalangan peniaga dan penduduk di negeri ini sejak 1 Syawal lalu.

Tinjauan Harian Metro di beberapa daerah mendapati bekalan gula kehabisan sama ada di kedai runcit dan pasar raya.

Peniaga kedai runcit yang mahu dikenali sebagai Ros, 40, berkata bekalan gula terputus sejak 1 Syawal lalu sehingga kini.

Beberapa kedai dan pasar raya saya mencari, namun semua kehabisan, hari ini (semalam) pula empat kedai runcit saya pergi, juga menerima nasib sama”

Rahim Ismail

“Saya sudah beberapa kali bertanyakan kepada pemborong supaya menghantar bekalan namun mereka memaklumkan bekalan gula

tiada untuk tempoh tertentu.

“Ada juga mengatakan harga gula akan naik dan mereka bertindak menyorokkan bekalan. Kasihan orang ramai yang bertali arus datang bertanyakan gula.

“Sudah tentu penggunaan gula penting waktu Aidilfitri kerana orang mahu membuat rumah terbuka dan sebagainya namun waktu ini pula bekalan gula tiada,” katanya ketika ditemui di Berek 12, di sini, semalam.

Pelanggan Rahim Ismail, 45, berkata dia bantu memikirkan cara untuk mencari bekalan gula sejak kelmarin.

“Beberapa kedai dan pasar raya saya mencari namun semua kehabisan, hari ini (semalam) pula empat kedai runcit saya pergi, juga menerima nasib sama.

“Malam ini (tadi) saya mengadakan majlis Aidilfitri dan sudah tentu bekalan gula diperlukan agak banyak untuk membuat kuih-muih dan memasak.

“Jika sebelum ini bekalan telur terputus pun tidak seterusnya gula yang langsung tiada. Justeru, kita berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil langkah segera menyelesaikan isu bekalan gula,” katanya.

Bekalan gula terputus di Kelantan

Peniaga minuman guna susu pekat gantikan bahan mentah tersebut

Oleh HAZEEN LIANA KAMARUDIN
 KOTA BHARU

Kesukaran mendapatkan bekalan gula di pasaran, memaksa peniaga kedai makan di negeri ini menggantikan bahan mentah itu dengan susu pekat bagi menurunkan perniagaan berdasarkan minuman.

Peniaga yang ingin dikenali sebagai Noraini, 54, memberitahu, sejak dua hari lalu dia terpaksa menggunakan susu pekat sebagai penganti rasa manis ke dalam minuman.

"Terpaksalah, nasib baik pelanggan memahami."

"Hendak tutup kedai, rugilah kerana baru beberapa hari berniaga selepas sambutan Aidilfitri," katanya.

Dia berharap perkara tersebut tidak berlanjut kerana gula merupakan bahan utama untuk perniagaan kedai makannya.



Peniaga meletakkan tanda pemakluman kehabisan bekalan gula.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kedai runcit, pemborong dan pasar raya besar di beberapa jajahan di negeri ini mendapati rak bahan mentah tersebut kosong.

Seorang peniaga kedai runcit di Pasir Putih, Hasnah, 43, memberitahu, dia sudah lelah untuk naik turun kedai pemborong dan pasar raya sejak Sabtu lalu, namun sehingga sekarang bekalan gula masih belum diperoleh.

"Sekarang ini musim orang ramai buat rumah terbuka, jadi gula sangat diperlukan."

"Sebagai peniaga saya sudah melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan bekalan tetapi masih gagal," katanya.

Pesara kerajaan, Mustapa Hassan, 67, pula terpaksa memilih minuman berkarbonat untuk dihidangkan kepada tetamu pada jamuan rumah terbukanya di Pasir Mas.

"Beberapa pasar raya sudah



Tinjauan *Sinar Harian* di sebuah pasar raya besar terkenal di negeri ini mendapati rak yang meletakkan bahan mentah tersebut kosong.

'dijelajah' namun bekalan gula tiada di pasaran.

"Jika masalah tersebut berterusan ia bukan sahaja menyukarkan pengguna tetapi peniaga," katanya.

Sementara itu, Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan telah mengagihkan sebanyak 250,000 kilogram (kg) gula ke pasar raya di seluruh negeri ini pada Isnin akaran kekurangan stok bahan mentah itu di pasaran sebelum ini.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, agihan itu dilakukan

secara berperingkat termasuk kepada pemborong dan peruncit dari semasa ke semasa.

"Kami menjangkakan isu ketidakaan bekalan gula di pasaran dapat diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh dua hari lagi."

"Kita menyarankan kepada pengguna dan peruncit supaya mendapatkan bekalan mengikut ketetapan yang dibenarkan," katanya kepada pemberita.

Menurut beliau, pengguna tidak perlu membuat pembelian panik kerana bekalan kembali mencukupi di pasaran.

K'tan residents claim sugar shortage

KOTA BARU: In view of the festive seasons, demand for necessary products such as sugar has been high, particularly among local consumers.

Ainy Md Yunos, 71, a consumer from Pengkalan Chepa, said she has run out of sugar and has been looking for supplies in several grocery stores for the past three days but to no avail.

"I have had to replace sugar in my cooking and drinks with stevia," she told Bernama yesterday.

Satay seller Siti Aminah Awang, 65, from Kampung Baung, said

she needs more than 20kg of sugar a day to produce about 2,000 sticks of satay.

"The shortage of sugar supply to some extent interferes with business considering that sugar is one of the main ingredients in dishes and drinks," she said.

Meanwhile, grocery store operator Sepiah Ismail, 64, of Kampung Landak, said the sugar supply at her store sold out two days ago.

She said she was trying to get 240kg of sugar, which she normally purchases from suppliers

in the district, to cater to her customers.

Meanwhile, the director of Kelantan Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), Azman Ismail, when contacted, said they distributed 250,000kg of sugar yesterday to several supermarkets in the state.

"This supply (of sugar) will be distributed in stages, including to wholesalers and retailers from time to time.

"We expect the sugar shortage problem to be resolved within two days," he added.

Kaut untung jual minyak subsidi pada harga mahal di negara sendiri

Rakyat Thailand giat rompak diesel

Oleh WARTAWAN KOSMO!

RANTAU PANJANG — Penyeludup Thailand semakin berani apabila mencuri diesel subsidi yang dipam di stesen minyak yang tidak dikawal pihak berkuasa sebelum menjualnya semula pada harga tinggi di negara berkenaan.

Penyeludup dikenali sebagai Lah, 40, berkata, dia dan rakan-rakan 'sejawatnya' akan masuk sebagai pelancong dengan memandu trak pikap membawa tangki yang telah diubah suai melalui jalan sah pada pukul 7.30 pagi setiap hari.

"Katanya, mereka kemudian akan mengisi diesel di empat buah stesen di sempadan."

"Kenderaan asting hanya dibenarkan mengisi 20 liter diesel di kawasan sempadan tetapi kami akan mencuri sehingga 90 liter bernilai RM196 ke dalam tangki yang telah diubah suai."

"Jika ada polis atau pihak berkuasa lain yang buat pemantauan di stesen minyak, kami isi 20 liter sahaja bernilai RM43," katanya kepada Kosmo.

Menurut Lah, modus operandi ialah menunggu giliran dan tidak menyerbu stesen minyak tersebut bagi mengelakkan kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa.

Tambahnya, sebelum ini dia boleh berulang-alik Thailand-Rantau Panjang sebanyak 10 kali sehari tetapi kini hanya dua trip sahaja selepas imigresen mengetarkan kemasukan trak pikap



SALAH seorang penyeludup mengisi diesel ke dalam tangki trak pikap di Rantau Panjang.

ke Malaysia sejak bulan lalu.

"Jika tukar trak pikap pun ada risiko kena tangkap. Jadi kami terpaksa mengurangkan trip untuk sementara waktu," katanya.

Hamdan, 37, pula menceritakan, harga bahan bakar yang murah di Malaysia mendorong mereka melakukan penyeludupan.

"Thailand menjual diesel RM4.80 seliter tetapi di Malay-



PENYELUDUP Thailand masuk sebagai pelancong melalui Kelantan untuk merompak diesel subsidi Malaysia sebelum dijual pada harga tinggi.

sia separuh daripada itu. Kami lebih berminat beli diesel Malaysia kerana jauh lebih murah," katanya.

Menurut Hamdan, diesel itu akan dijual secara borong di dalam tong atau botol di tepi jalan Thailand pada harga RM3.25 seliter.

Tambahnya, dia akan mengisi 90 liter diesel menggunakan trak pikap jenis Mitsubishi Pajero dan dijamin habis cepat kerana ia menjadi rebutan buat pengguna di Thailand.

Penyeludup dikenali sebagai Daud, 40, pula berkata, dia memperoleh upah RM6,000 sebulan dengan melakukan 10 trip sehari ke Malaysia.

"Saya hanya buat tiga kali seminggu dan dapat bell 1,000 liter diesel pada harga RM2,180. Upah dibayar oleh tauke mengikut trip yang dilakukan. Lebih banyak trip, lebih besar upah," katanya.

Bagaimanapun Daud mengakui kerja itu berisiko dan boleh ditangkap pada bila-bila masa.

"Banyak taktik yang digunakan dan salah satunya ialah mengubah suai tangki trak pikap dan menggunakan kenderaan berbeza bagi mengelakkan dicekup," katanya.

Menurut Daud, upah kalangan penyeludup ketika ini menurun kepada RM1,500 sebulan sejak bulan lalu dengan hanya membuat dua 'trip' apabila pihak berkuasa mengetarkan kawalan sempadan.



TRAK pikap menggunakan nombor pendaftaran Thailand banyak dilihat pada waktu pagi di pekan Rantau Panjang.

Penyeludup melepak di restoran sebelum angkut minyak subsidi

RANTAU PANJANG — Penduduk di sekitar pekan Rantau Panjang di sini mendakwa mereka melihat lebih 20 trak pikap beratur dan menunggugiliranuntuk mengisi diesel di empat buah stesen minyak setiap pagi.

Seorang penduduk yang dikenali sebagai Nasir, 50, berkata, kegiatan itu sukar dibendung kerana jumlah penyeludup ramai berkeliaran di kawasan stesen minyak.

Katanya, trak-trak pikap itu masuk secara halal ke negara ini apabila mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah untuk melepas sempadan.

"Saya lihat, pihak berkuasa tidak dapat membezakan sama ada mereka masuk ke negara ini untuk melancong atau menyeludup diesel.

"Kumpulan penyeludup juga tidak akan terus pulang ke Thailand selepas mengisi diesel. Sebaliknya, mereka akan duduk di kawasan kedai makan atau restoran selepas melakukan kegiatan tersebut," katanya.

Nasir memberitahu, ada antara penyeludup sanggup bergerak ke stesen minyak di Tumpat atau Pasir Mas yang mengambil masa kira-kira 20 minit untuk mengisi diesel ke dalam tangki kenderaan mereka.

Katanya, ini kerana ada stesen minyak di sekitar Rantau Panjang mengehadkan isian diesel sebanyak 10 liter kepada kenderaan asing dan tidak berkompromi dengan penyeludup.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Azhar, 41, berkata, penyeludup akan menggunakan

pangkalan haram di sekitar Rantau Panjang untuk menyeludup diesel sekiranya tidak melalui lautan darat.

Menurutnya, kaedah tersebut jarang digunakan oleh penyeludup kerana mereka perlu mengisi diesel ke dalam banyak tong yang dimuatkan dalam kenderaan mereka sebelum dibawa ke pangkalan haram di Sungai Golok.

"Apabila banyak tong minyak di dalam trak pikap, ia sekali gus memudahkan orang ramai atau pihak berkuasa mengesan kegiatan penyeludupan."

"Oleh itu, mereka lebih sanggup berulang-alik melalui pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand dengan mengisi diesel ke dalam tangki minyak yang sudah diubah suai," katanya.



MEDIA ONLINE (KPDN)

2 MEI 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 2 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
2-May	Bekalan gula kembali di pasaran Kelantan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/962148/bekalan-gula-kembali-di-pasaran-kelantan	HM
2-May	Bekalan gula terputus di Kelantan?	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/962036/bekalan-gula-terputus-di-kelantan-metrotv	HM
2-May	KPDN tackles 156 cases of misappropriation of controlled, subsidised goods since March 1	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/05/904772/kpdn-tackles-156-cases-misappropriation-controlled-subsidised-goods	NST
2-May	Op Tiris: 156 kes barang kawalan bersubsidi bernilai RM4.41j diambil tindakan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/05/1095977/op-tiris-156-kes-barang-kawalan-bersubsidi-bernilai-rm441j-diambil	BH
2-May	Op Tiris: 156 kes barang kawalan bersubsidi bernilai RM4.41 juta diambil tindakan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/op-tiris-156-kes-barang-kawalan-bersubsidi-bernilai-rm4-41-juta-diambil-tindakan-417659%3famp=1	ASTROAWANI
2-May	Op Tiris: 156 kes barang kawalan bersubsidi bernilai RM4.41 juta diambil tindakan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/962264/op-tiris-156-kes-barang-kawalan-bersubsidi-bernilai-rm441-juta-diambil	HM
2-May	KPDN kenal pasti lokasi stesen minyak tanpa subsidi di sempadan Pengkalan Hulu – Thailand	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kenal-pasti-lokasi-stesen-minyak-tanpa-subsidi-di-sempadan-pengkalan-hulu-thailand/	BULETINTV3
2-May	KPDN Perak patahkan cubaan seludup diesel ke Thailand	https://www.google.com/amp/s/www.airtimes.my/2023/05/01/kpdn-perak-patahkan-cubaan-seludup-diesel-ke-thailand/amp/	AIRTIMES

2-May	Op Tiris: 156 kes barang kawalan bersubsidi diambil tindakan	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62614-op-tiris-156-kes-barang-kawalan-bersubsidi-diambil-tindakan	BERITARTM
2-May	Op Tiris: 156 kes barang kawalan bersubsidi bernilai RM4.41 juta diambil tindakan	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2185460	BERNAMA
2-May	KPDN Kelantan agih 250,000 kg bekalan gula ke seluruh negeri	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/256482	SH
2-May	Consumers, traders in Kelantan claim shortage of sugar supply	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/01/consumers-traders-in-kelantan-claim-shortage-of-sugar-supply/67213	MALAYMAIL
2-May	Pengguna, peniaga di K'tan dakwa sukar dapat bekalan gula	https://m.malaysiakini.com/news/663728	MALAYSIAKINI
2-May	Consumers, Traders in Kelantan claim shortage of Sugar supply	https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2185429	BERNAMA
2-May	Bekalan gula di Kelantan pulih	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1095921/bekalan-gula-di-kelantan-pulih	BH
2-May	Pengguna, peniaga di K'tan dakwa sukar dapat bekalan gula	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/pengguna-peniaga-di-kelantan-dakwa-sukar-dapat-bekalan-gula-PK10921178	THESUNDAILY